

# Minggu Malaysia'08 lebih hebat: Rais

BH - 12/6/2009

Nazmi Yaakob  
di London



**S**ELEPAS lima hari berkampung di Covent Garden Market di sini, delegasi Malaysia ke Minggu Malaysia'07 yang menutup tirainya semalam, mempunyai sebab untuk pulang ke tanah air dengan senyuman.

Bagi pengusaha industri kecil dan sederhana, produk yang dibawa mereka laris bagaikan pisang goreng panas, manakala bagi yang membuat persembahan kebudayaan pula, tepukan gemuruh yang diterima setiap kali persembahan berakhir bererti ia berjaya menghiburkan pelawat.

Sambutan hebat yang diterima

baik daripada pengunjung mahupun kerajaan Britain sendiri, menyebabkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa), selaku penganjur, membayangkan hasrat menjadikannya acara tahunan di sini.

Malah Menterinya, Datuk Seri Dr Rais Yatim, sudah merangka program yang lebih hebat dan berbeza jika Minggu Malaysia berkunjung lagi ke Covent Garden Market tahun depan.

"Secara keseluruhan saya amat puas hati kerana tahun ini sambutan yang diterima lebih hebat berbanding tahun lalu. Malah kali ini juga kita mendapat sokongan daripada kerajaan tempatan Westminster dan kerajaan Britain juga," katanya.

Minggu Malaysia'07 lebih istimewa berbanding acara yang diadakan tahun lalu kerana selain mempromosi Tahun Melawat Malaysia 2007

untuk warga Eropah, delegasi negara juga membawa mesej bagaimana perpaduan rakyat yang mengamalkan pelbagai budaya adalah asas kekuatan Malaysia yang akan menyambut ulang tahun kemerdekaannya ke-50 Ogos tahun ini.

"Saya rasa kami sudah berjaya menyampaikan mesej itu kepada masyarakat di sini kerana pada saya mesej menerusi kebudayaan ini lebih berkesan berbanding mesej politik, kerana ia ada unsur seni yang boleh menjangkau hati pelawat," katanya.

Rais berkata, KeKKWa sedang sibuk merancang penganjuran Minggu Malaysia di Beijing yang akan diadakan hujung tahun ini.

"Untuk Minggu Malaysia di Beijing saya sendiri akan meneliti perancangannya kerana kita perlu menyesuaikan dengan kebudayaan dan masyarakat di sana. Saya juga

nak pastikan kelemahan yang berlaku ketika di Covent Garden ini diatasi," katanya.

Sementara itu, beberapa usahawan yang ditemui di Minggu Malaysia'07 rata-rata berpandangan kedatangan mereka ke sini tidak sia-sia.

"Jualan amat memuaskan, purata 500 pound sehari, memang tak rugi datang," kata pemilik Fareen Silk House, Wan Mohd Faisal Wan Shukri, yang menjual produk batik sutera.

Berpusat di Kota Bharu, Kelantan, dia pertama kali menyertai misi serupa itu dan berharap KeKKWa akan mengundangnya dalam misi misi akan datang.

Ros Khadijah Yusup, pemilik Kasih Quilt, yang menghasilkan produk batik tambah nilai, berkata beberapa individu sudah menyatakan minat untuk mengedar produk syarikat itu di sini.